

Tidak patah semangat walau teman jatuh sakit sebelum bertanding

Portal rekaan dua belia setempat menangi pertandingan projek sosial peringkat global

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

SEMINGGU sebelum beliau sepatutnya berangkat ke Amerika Syarikat bersama seorang kawannya bagi membentangkan usulan bagi projek sosial mereka kepada panel satu pertandingan, Encik Aslam Shah Iskandar Shah jatuh sakit dan dimasukkan ke hospital.

Namun, Encik Aslam, 23 tahun, dan Encik Muhammad Haziq Mohd Rashid, 21 tahun, tidak patah semangat.

Malah, Encik Aslam, yang mengalami sakit radang usus, atau kolitis, menggalak kawannya itu supaya meneruskan perjuangan mereka.

Usaha mereka berbaloi kerana projek mereka terpilih memenangi anugerah fellowship dalam pertandingan Cabaran Usaha Sosial anjuran The Resolution Project, sebuah pertubuhan tidak mencari untung global yang memupuk pembangunan kepimpinan belia melalui kerjasama keusahawanan sosial.

Anugerah tersebut antara lain memberi mereka modal permulaan sebanyak AS\$3,000 (\$4,075) untuk melaksana projek itu dan bimbingan pakar industri semur hidup.

Dua lagi projek pasukan dari Amerika dan Mexico turut memenangi anugerah itu.

Peserta pertandingan itu membentangkan usul mereka kepada panel pengadil di Perhimpunan Belia PBB di New York.

"Pada awalnya, selepas Aslam dilanda sakit, saya panik dan tanya Aslam sama ada kami hendak terus bertanding atau tidak.

"Akhirnya, kami memutuskan bahawa saya sahaja yang pergi.

"Kami telah bekerja keras dan tidak mahu putus asa begitu sahaja," kata Encik Haziq yang sedang menunggu untuk memohon masuk Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Encik Aslam juga tidak mahu mereka melepaskan peluang membentangkan idea mereka.

"Jadi saya beritahu Haziq supaya pergi, dan kalau saya berada di tempatnya, saya juga akan pergi," ujar pelajar tahun kedua jurusan sains hayat Universiti Nasional Singapura (NUS) itu.

Semangat Encik Aslam menjadi perangsang kepada Encik Haziq agar melakukan yang terbaik dan meyakinkan panel pengadil itu minggu lalu.

Sebahagian perbelanjaannya ke Amerika dibiayai Yayasan Mendaki.

Encik Haziq dipercayai satu-satunya wakil Singapura di pertandingan itu.

Projek mereka ialah sebuah portal dalam talian bernama One World Media yang bertujuan menyatukan golongan yang ingin menyumbang kepada masyarakat dan yang ingin menyokong usaha itu.

Sebagai contoh, mereka yang mempunyai idea konkrit tentang usaha mereka boleh memanfaatkan wadah portal tersebut bagi meminta pendapat orang lain untuk mempertingkatkan idea.

Mereka yang mempunyai idea bagi membantu masyarakat tetapi tidak tahu cara memulakannya juga boleh berkongsi idea di portal tersebut.

Dengan cara itu, mereka berpeluang mendapatkan bantuan kewangan, bimbingan dan kerjasama daripada pengguna lain bagi menjadikan idea mereka satu kenyataan.

Ini bermakna projek mereka membolehkan sesuatu idea mendapat jangkauan lebih besar dan peluang berkembang.

"Kami memulakan projek ini kerana kami ingin membantu masyarakat dan menghasilkan sesuatu bagi manfaat masyarakat tempatan dan sejagat.

"Kami rasa cara paling berkesan melakukan demikian ialah menerusi media dalam talian kerana ia merentas sempadan dan waktu," kata Encik Aslam yang menyertai Perhimpunan Belia tahunan ke-12 di ibu pejabat PBB di New York dua tahun lalu.

TEKAD BERBALOI: Meskipun Encik Aslam (kanan) tidak dapat mempersembahkan usulan projek sosialnya bersama teman sepasukannya, Encik Haziq, di Amerika Syarikat minggu lalu, dua sekawan itu tetap bersemangat melakukan yang terbaik sehingga projek mereka memenangi anugerah fellowship. — Foto M.O. SALLEH

